


1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai sebut harga seperti berikut :

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	TARAF	TARIKH DOKUMEN SEBUT HARGA DIJUAL, TARIKH TUTUP SEBUT HARGA & NO. PETI SEBUT HARGA	WAKTU JUALAN, TEMPAT DOKUMEN SEBUT HARGA DIJUAL & TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA	LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM)	BAYARAN DOKUMEN
SPP/SH/28000/01 (UPU)/2022	CADANGAN PEMASANGAN SECURITY ACCESS CARD DAN CCTV SYSTEM DI RUANG SPS DI BLOK J4 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA KUALA LUMPUR	Terbuka	Tarikh Pamer Naskah Meja : Tarikh Jual Sebut Harga : 29 SEPTEMBER 2022 hingga 04 OKTOBER 2022 Tarikh Tutup Sebut Harga : 06 OKTOBER 2022 No. Peti Tender :	Waktu Pejabat : Isnin - Khamis 9.00 pagi hingga 3.00 petang Jumaat 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari Tempat Jual Sebut Harga : Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 4, Blok PA, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur Tempat Tutup Sebut Harga : Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 4, Blok PA, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur	LPIPM Gred : G1 @ G2 @ G3 Kategori : ME (Mekanikal dan Elektrikal) Pengkhususan : EO2 (Sistem Pengawasan Dan Keselamatan)	RM30.00 senaskah (Tidak akan dikembalikan) Pembayaran adalah secara atas talian melalui pautan : https://ecommerce.utm.my/v3/  *Manual Pembayaran Dokumen Tawaran Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur

2. Dokumen Tawaran boleh didapati dengan membuat bayaran secara atas talian melalui pautan : <https://ecommerce.utm.my/v3/> dan hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang namanya tercatat dalam Surat Pendaftaran Asal (LPIPM, Pusat Khidmat Kontraktor) sahaja. Kontraktor hendaklah membawa bersama resit asal pembayaran, Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta satu set salinan fotostat bagi kesemua dokumen tersebut semasa membeli dokumen tawaran.

3. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 4, Blok PA, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur tidak lewat dari tarikh dan masa tutup iaitu sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

4. Penyebut harga adalah digalakkan untuk menghadiri taklimat tapak. Kontraktor perlu membuat temujanji 2 hari sebelum menghadiri taklimat tapak untuk mengekalkan penjarakan sosial dengan menghubungi Pegawai bertanggungjawab iaitu En. Rashdan bin Harun di talian 03-2615 4944 atau En. Abdul Hannan bin Khairul Anwar di talian 013-522 2379. Dokumen tawaran boleh dibeli selepas taklimat dan lawatan tapak. Hanya penama di dalam sijil pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat dan tidak boleh mewakili pegawai lain selain daripada penama yang dibenarkan. Hanya kontraktor yang hadir taklimat sahaja layak membeli dokumen. Petender diingatkan supaya mematuhi arahan pihak berkuasa dengan mengamalkan langkah-langkah pencegahan Covid-19 sepanjang tempoh berada di dalam kawasan Kampus UTM Kuala Lumpur.